



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KAPASITI PERKHIDMATAN MRI HOSPITAL KUALA LUMPUR (HKL)

Hospital Kuala Lumpur (HKL) ingin merujuk kepada laporan sebuah portal bertarikh 25 Mac 2026 berhubung kekangan perkhidmatan Pengimejan Resonans Magnetik (MRI) di hospital ini. Sebagai **hospital rujukan terbesar dalam negara**, HKL bukan sahaja mengendalikan pesakit dalaman tetapi juga sering menerima rujukan kes MRI daripada hospital-hospital kerajaan yang lain, khususnya dari sekitar Lembah Klang.

Jabatan Radiologi HKL kini beroperasi dengan dua (2) buah mesin MRI di Blok Utama bagi menampung permintaan pesakit, dengan **kapasiti optimum** bagi kedua-dua mesin ini adalah **di antara 24 hingga 28 kes sehari**, bergantung kepada kerumitan kes dan keadaan pesakit. Walau bagaimanapun, jumlah pemeriksaan harian **pernah mencecah sehingga 36 kes** bagi memberi keutamaan kepada kes-kes kecemasan dan kritikal yang perlu disegerakan.

Bagi mengatasi masalah kesesakan dan mengurangkan waktu menunggu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan inisiatif **Hospital Services Outsourcing Programme (HSOP)** di HKL. Pada tahun 2025, HKL telah mengoptimumkan penggunaan slot sebanyak 96.8%, iaitu menggunakan 365 daripada 377 slot yang diperuntukkan. Langkah ini telah berjaya **mengurangkan masa menunggu pesakit sebanyak 33%**, daripada 24 minggu kepada 16 minggu.

Bagi tahun 2026 pula, HKL telah memohon sebanyak 640 slot MRI, iaitu **peningkatan sehingga 70%** untuk terus mengurangkan senarai menunggu pesakit. HKL ingin menegaskan bahawa **program ini tidak terhenti** dan peruntukan dana baru sahaja diterima pada 19 Mac 2026 yang lalu. **Program tersebut telah dilaksanakan semula secara rasmi pada 25 Mac 2026.**

Pihak HKL dan KKM sentiasa komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kesihatan kekal efisien dan memenuhi piawaian penjagaan kesihatan yang terbaik untuk rakyat Malaysia.

Pengarah Hospital Kuala Lumpur
27 Mac 2026

